

RINGKASAN

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kelebihan berniaga dalam talian**. Panjang ringkasan anda hendaklah antara 80 hingga 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Perniagaan dalam talian amat popular dalam kalangan masyarakat pada masa ini. Perniagaan dalam talian mudah dibina dan dijalankan dengan modal yang lebih rendah. Oleh itu, mereka yang berasa risau untuk memulakan perniagaan dengan cara membuka kedai boleh memulakan perniagaan secara dalam talian terlebih dahulu.

Kos untuk memulakan sesuatu perniagaan tinggi, tetapi perniagaan dalam talian tidak melibatkan kos sewa kedai, kos upah pekerja, dan kos ubah suai kedai. Selain itu, perniagaan dalam talian berisiko rendah berbanding dengan perniagaan biasa. Misalnya, anda tidak perlu mengeluarkan wang yang lebih untuk membeli aset seperti bangunan, alatan, dan kelengkapan semasa memulakan perniagaan. Peniaga dalam talian juga dapat menguruskan perniagaannya secara bersendirian tanpa mengupah pekerja.

Pelanggan perniagaan dalam talian pula tidak terhad. Oleh yang demikian, peniaga dalam talian dapat menjalankan perniagaannya di seluruh dunia kerana melalui Internet segala maklumat dapat disampaikan kepada masyarakat. Perniagaan dalam talian juga memberi peluang kepada peniaga untuk menjalankan perniagaannya selama 24 jam. Teknologi yang canggih pada zaman kini memberi manfaat kepada pengguna untuk melayari Internet pada setiap masa. Sebagai peniaga dalam talian, seseorang dapat menikmati kebebasan tempat bekerja. Dengan menjalankan perniagaan dalam talian, peniaga hanya perlu mengawal segala perkara yang berkaitan dengan perniagaan hanya menggunakan komputer.

Masyarakat juga gemar membuat pembelian secara dalam talian kerana harga barangan yang dijual lebih murah berbanding dengan harga di kedai dan pengguna dapat menjimatkan masa kerana tidak perlu ke kedai.

Tentukan isi penting petikan untuk melengkapi ringkasan ini.

perniagaan dalam talian mempunyai pasaran yang luas kerana pelanggan perniagaan dalam talian tidak terhad.

Perniagaan dalam talian memberi peluang kepada peniaga untuk menjalankan perniagaan selama 24 jam.

dapat menjalankan perniagaannya di seluruh dunia kerana

amat popular pada masa ini.

dapat menguruskan perniagaannya secara bersendirian tanpa perlu mengupah pekerja.

perniagaan ini memerlukan modal yang rendah

berisiko rendah berbanding perniagaan biasa.

Perniagaan dalam talian _____. Hal ini demikian kerana,
_____. Selain itu, perniagaan
dalam talian _____. Perniagaan secara dalam
talian _____. Di samping itu,
_____. Peniaga secara dalam
talian juga _____ kerana melalui
Internet segala maklumat dapat disampaikan kepada masyarakat. Tambahan pula,
_____.